



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Keuangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Sebut harga : <b>MPK/JK/PR 152/2016</b> KERJA - KERJA PEMASANGAN LAMPU JALAN DI SETIAP DUN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG.

TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<b>KOD BIDANG BARU : BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G1, G2 KATEGORI ME &amp; PENGKHUSUSAN E11 &amp; E04 &amp; BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR &amp; UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)</b>	<b>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</b> <b>TAKLIMAT :</b> <b>TARIKH 20/10/2016 (KHAMIS)</b> MASA PENDAFTARAN : 8.00-9.30 pg MASA TAKLIMAT : 9.30 pg TEMPAT : Auditorium Raja Ismail  Nota : Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.	<b>MULAI : 21/10/2016 (JUMAAT)</b>  Bahagian Ukur Bahan Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan  Nota : <b>Penyebut harga di kehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL &amp; SALINAN :</b> <b>1) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) oleh CIDB</b> <b>2) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN)</b> <b>3) Resit pembayaran E-Tender Selangor</b>	<b>TARIKH TUTUP : 31/10/2016 (ISNIN)</b> <b>WAKTU TUTUP : 12.00 Tengah Hari</b>  Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan  <b>Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan.</b>

**SYARAT-SYARAT :-**

- Setiap dokumen Sebut harga dijual dengan harga **RM 40.00** Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
- Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **21 OKTOBER 2016** di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.
- Bayaran untuk pembelian dokumen adalah dalam bentuk Wang tunai.
- Penyebutarga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Sebut harga. Penyebutarga dikehendaki mengemukakan Resit Bayaran Pendaftaran sebagai bukti Penyebutarga telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Sebut harga.
- Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga seperti tertera di atas.
- Penyebutarga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Wakil yang hadir ke taklimat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
- Penyebutarga diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak atau taklimat.
- Penyebutarga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan pada **20 OKTOBER 2016** Jam **9.30** pagi di Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
- Penyebutarga yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebut harga.
- Penyebutarga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** dan **SALINAN (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB, Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) dan Resit pembayaran E-Tender Selangor).**
- Penyebutarga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutarga dan Syarat-syarat Membuat Sebut harga di dalam Dokumen Sebut harga sebelum mengemukakan Sebut harga. Jika dokumen Sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebut harga adalah pada **28 OKTOBER 2016** sebelum jam 4.30 petang. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian **03-3375 8014**.